

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN DASAR AWAM DI KAWASAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI (N24) SEMENYIH, SELANGOR:
SUATU PEMERHATIAN TERHADAP PANDANGAN PENGUNDI
MELAYU**

JUNAIDI AWANG BESAR
Universiti Kebangsaan Malaysia
jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan pengundi Melayu terhadap dasar awam iaitu sama ada dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N24 Semenyih, Selangor merupakan bahagian pilihan raya DUN yang dikuasai oleh Barisan Nasional sejak Pilihan Raya Umum pertama hingga kini. Kawasan ini mempunyai komposisi etnik campuran namun etnik Melayu adalah etnik majoriti di kawasan ini dan mengalami pertambahan pemilih setiap tahun. Dari sudut geografi pilihan raya, DUN Semenyih mempunyai lokasi geografi yang merangkumi bandar/pekan, luar bandar/kampung, perkampungan tradisi Melayu dan Cina, taman perumahan, perumahan moden dan estet India. Kajian ini telah menggunakan kaedah soal selidik terhadap 100 orang responden dalam kawasan DUN Semenyih dan kaedah kepustakaan. Dapatan kajian mendapati responden Melayu bersetuju dengan dasar awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor. Mereka bersikap positif terhadap sebarang dasar yang bermanfaat untuk rakyat tanpa mengira fahaman politik. Justeru, pihak berkuasa perlu konsisten dalam melaksanakan polisi sosioekonomi yang baik demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Kata kunci: pilihan raya; kawasan; etnik Melayu; geografi pilihan raya; dasar awam

**EFFICIENCY OF PUBLIC POLICY IMPLEMENTATION IN THE
STATE LEGISLATIVE AREA OF (N24) SEMENYIH, SELANGOR: AN
OBSERVATION TO MALAY VOTER VIEW**

ABSTRACT

The purpose of this article is to analyze the perceptions of Malay voters on both public policies; the State Government and Federal Government policies. Public policy is a fundamental guideline that is practised strictly by the government to ensure that every decision made is objective and fair. The State Legislative Assembly (DUN) constituency of Semenyih, Selangor is dominated by the National Front/Barisan Nasional (BN) since the first general election until to the current present. The Malays are the main ethnicity that lives in this area with which has also experienced an increase of voters every year. Its electoral areas would included cities/towns, rurals/villages, traditional Malay and Chinese villages, modern housing estates and Indian estates. The methods used in this study includes distributing questionnaire to 100 respondents in Semenyih and also comes with a complete literature method as well. The findings have shown that majority of respondents had agreed to both public policies by the Federal Government and the Selangor Government. They are positive about any policy that is beneficial to the people regardless of political affiliations. The policy

which prioritizes the needs and the welfare of the people will continue to gain the support from the people, especially the policies that are prove to be beneficial for them. Hence, the authorities need to be consistent in implementing good socio-economic policies to safeguard the welfare and well-being of the people.

Keywords: election; area; Malay ethnic; electoral geography; public policy

PENGENALAN

Orang Melayu merupakan etnik majoriti di negara ini terutamanya di bahagian Semenanjung Malaysia. Sebagai peneroka awal dan etnik majoriti di negara ini serta hidup bernegara, etnik Melayu dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan iaitu hak istimewa Orang Melayu. Dari segi tingkah laku berpolitik, etnik ini mempunyai daya juang yang tinggi di samping bertindak rasional dalam membuat keputusan dan mengutamakan kepentingan mereka dalam kehidupan seharian. Secara umumnya, parti politik ialah suatu badan atau bentuk organisasi yang berjuang dan bertanding dalam pilihan raya untuk mendapatkan kuasa politik bagi memerintah negeri atau negara. Di Malaysia, telah wujud pelbagai parti politik yang bersifat etnik sebelum merdeka yang mencerminkan kepelbagaian tuntutan etnik tertentu. Namun selepas merdeka, kewujudan parti politik adalah berlatarbelakangkan realiti politik semasa dan berkonsepkan 'multiracial' atau masyarakat majmuk. Sokongan rakyat kepada sesebuah parti amat bergantung kepada kemahuan dan citarasa individu dan masyarakat itu sendiri. Kemahuan tersebut pula bergantung kepada segala anasir yang menjadi dasar perhitungan politik. Di samping itu, seorang pengundi yang rasional akan sentiasa membuat perhitungan dan perbandingan dari segi personaliti individu calon yang bertanding, dasar perjuangan parti yang ditandingi, manifesto yang diwujudkan parti dan rekod pemerintahan parti yang lepas, peluang dan masa pemilihan serta pengundian dan akan diadakan sebelum keputusan dibuat untuk mengundi satu-satu parti yang bertanding dalam kawasan DUN dan Parlimen. Perjuangan melalui parti politik dalam sesuatu pilihan raya umum dapat menghasilkan kemenangan seterusnya berjaya membentuk kerajaan yang memerintah. Kerajaan yang memerintah akan melaksanakan janji atau manifesto parti yang membentuk dasar atau polisi awam sama ada pada peringkat negeri mahupun negara/persekutuan. Dasar yang dilaksanakan tersebut akan memberi impak kepada rakyat maka timbullah persepsi rakyat terhadap keberkesanan dasar dan kerajaan tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis pandangan pengundi Melayu terhadap dasar awam Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di kawasan DUN Semenyih, Selangor.

DASAR AWAM

Dasar ialah asas, teras, panduan (pendapat, falsafah, aturan dan lain-lain). Dasar mempunyai tujuan, matlamat, fungsi, tugas, demi kebaikan dan kepentingan sesuatu institusi (jabatan/agensi/lembaga). Awam pula memberi makna am, umum, atau orang biasa. Justeru, dasar awam merupakan teras, panduan, matlamat am atau umum bagi orang awam atau rakyat demi kepentingan masyarakat umumnya. Dasar awam merupakan keputusan dan tindakan kerajaan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang mempunyai objektif matlamat dan tujuan tertentu. Dasar awam dijadikan panduan umum dalam mengatasi sesuatu masalah dan merupakan suatu tindakan yang mempunyai tujuan tertentu oleh kerajaan untuk kepentingan rakyat yang akan mempengaruhi masyarakat. Dasar awam boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai maksud dan pengertian. Secara harfiahnya, dasar awam ialah projek,

program atau rancangan daripada pihak kerajaan untuk faedah dan kepentingan satu kelompok rakyat. Dasar awam boleh didefinisikan antaranya, sebagai pemilihan kerajaan sama ada untuk membuat sesuatu atau tidak membuat sesuatu (Dye, 2011).

Menurut Ahmad Atory (1996) pula, dasar awam itu ialah program atau projek yang dirancang oleh kerajaan yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Pretus (1975) pula mengatakan dasar awam merupakan sesuatu pilihan utama yang dibuat oleh seseorang individu atau sekumpulan individu bagi menjelaskan, menerangkan, mempertahankan, memimpin atau menggariskan sesuatu tindakan sama ada yang nyata atau bertujuan. Dalam Kamus Inggeris Oxford, Dasar awam didefinisikan sebagai tindakan, keputusan, dan peraturan badan-badan awam yang terdiri daripada ketua negara, ahli politik dan pentadbir kerajaan. Oleh itu, terdapat satu identiti linguistik antara orang awam dan dasar (*English Oxford Dictionary*, 1971).

Secara umumnya, dasar awam merupakan panduan umum dalam sesebuah negara di mana setiap keputusan yang diambil oleh kerajaan pastinya mempunyai objektif, matlamat dan tujuan. Matlamat sesebuah dasar hendaklah jelas dan merupakan jalan penyelesaian terhadap sebahagian besar masalah rakyat dalam sesebuah negara. Antara contoh dasar-dasar awam di Malaysia termasuklah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Negara, Dasar Wanita Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Pensyarikatan, Dasar Penswastaaan dan lain-lain.

DASAR AWAM DAN POLITIK PILIHAN RAYA DI NEGERI SELANGOR

Negeri Selangor adalah sebuah negeri yang berkembang maju dan tumpuan utama penduduk di negara Malaysia. Hal ini adalah kerana ramai penduduk migran dari luar bandar dan negeri lain ke negeri Selangor untuk mendapatkan peluang pekerjaan demi kehidupan yang baik. Negeri Selangor dikatakan agak rencam kerana masyarakat bersifat majmuk yang berlainan latar belakang etnik, keadaan sosiobudaya masyarakat, asal-usul dan keturunan. Pilihan raya umum ke-13 di negeri Selangor telah dimenangi oleh parti-parti dalam Pakatan Rakyat dengan menguasai sebanyak 44 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding Barisan Nasional hanya 12 kerusi.

Kajian lepas mengenai dasar awam dan politik pilihan raya di Selangor sudah banyak dijalankan, namun begitu kebanyakan kajian yang dijalankan adalah tidak terkini. Chamil (2006) mendapati perjuangan UMNO di Selangor dalam membela Melayu sehingga PRU 2004 diterima rakyat Selangor dengan baik kerana pengalaman dalam memerintah negeri ini sejak merdeka hingga PRU 2004 dan menunjukkan politik permuafakatan yang diamalkan BN diterima rakyat dan sesuai dengan keadaan politik di Selangor dan juga pada peringkat nasional.

Sebaliknya, kajian oleh Ibrahim (2008) terhadap 300 responden yang meliputi kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar di Selangor merekodkan beberapa permasalahan asas kehidupan rakyat yang akhirnya membawa kepada kemenangan pakatan pembangkang di Selangor seperti isu peningkatan kos sara hidup, pemotongan subsidi, hak orang Melayu dan permasalahan sosial. Kesemua perkara ini diberi perhatian yang tinggi oleh pengundi di Selangor berbanding janji pembangunan fizikal yang dibawa oleh BN.

Mohd Fuad dan Junaidi (2009) dan Mohd Fuad et al. (2009) melalui kajian "Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): Kajian Pungutan Pendapat di Kalangan Kakitangan Awam, Negeri Selangor Darul Ehsan" dalam dapatan kajiannya menunjukkan bahawa 65.6 peratus responden menyatakan mereka tidak gembira dengan pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Junaidi dan Mohd Fuad (2010) dalam kajian persepsi terhadap kepimpinan nasional dan Kerajaan Negeri Selangor mendapati majoriti responden

berpendapat bahawa tampuk pemerintahan di negeri Selangor masih boleh dikuasai oleh Pakatan Rakyat, namun begitu ia amat bergantung kepada isu semasa menjelang PRU-13 kelak. Junaidi et al. (2010) dalam kajian pilihan raya kecil di Parlimen Hulu Selangor mendapati majoriti responden menyokong, menghayati dan memanifestasi konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan menyatakan prestasi kepimpinan Kerajaan Persekutuan berada pada tahap memuaskan. Mereka juga menyokong aspirasi kerajaan dalam memantapkan agenda pembangunan negara dan berpandangan Indeks Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk wakil rakyat dan menteri akan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap kerajaan.

Mohd Faiz dan Junaidi (2010) mendapati pola pengundian kaum Melayu menentukan kemenangan sesuatu calon pada PRK Parlimen Hulu Selangor. Budaya politik Melayu juga mempengaruhi pola pengundian mengikut daerah/peti undi kawasan majoriti pengundi Melayu dan faktor kemenangan calon BN di Hulu Selangor. Selain itu, melalui ciri agama Islam pula menunjukkan calon PKR yang mempunyai masalah moral yang lampau seperti yang digambarkan oleh pihak media juga memberi kelebihan kepada BN kerana dalam budaya politik Melayu, Islam menjadi asas dalam pembentukan budaya politik Melayu. Junaidi et al. (2011) dalam kajian budaya politik Melayu dalam PRK Parlimen Hulu Selangor mendapati politik Melayu berperanan penting dalam kemenangan BN di Hulu Selangor dan faktor sokongan pengundi Melayu juga mempengaruhi pola pengundian bagi etnik Melayu berdasarkan kepada lima ciri budaya politik Melayu iaitu Sultan/Raja, Islam, Bahasa Melayu, ekonomi dan *universal* (politik baru).

Sivamurugan (2010) dalam kajian PRU 2008 mendapati isu nasional seperti isu tuntutan Hindu Right Action Force (Hindraf) terhadap hak asasi orang India yang mempengaruhi kalangan pengundi India, isu-isu sentimen perkauman yang dicetuskan pembangkang di Pulau Pinang dan Selangor yang mempengaruhi para pengundi Cina di negeri-negeri lain, isu kenaikan harga petrol yang tinggi yang mempengaruhi harga barang keperluan, isu kenaikan bayaran tol yang drastik juga telah mempengaruhi keputusan politik pengundi pada PRU tersebut. Isu-isu ini telah memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan seharian mereka

Kedudukan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor yang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalaman dan luaran juga dibincangkan oleh Syed Husin (2011) di dalam tulisannya yang berjudul Cabaran Politik Dan Pentadbiran Di Selangor. Cabaran dalaman yang dimaksudkan termasuklah masalah yang timbul dari dalam PKR dan kepimpinan Kerajaan Negeri sendiri, manakala cabaran luaran merujuk kepada peranan media dan masalah pentadbiran yang ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu. Fairol (2011) dalam kajian ‘Transformasi Kepimpinan Masyarakat Selangor’ mendapati keputusan PRU-12 telah dianggap sebagai tsunami politik di Malaysia. Walaupun BN masih memegang Dewan Rakyat dan negeri-negeri lain di Malaysia, peratusan undi yang diperolehnya merosot. Situasi di Selangor pula merupakan satu kejutan yang amat drastik. Tiada diduga dalam perkiraan politik, yang Selangor akan jatuh ke parti pembangkang. Pembangkang yang diketuai oleh PKR, DAP dan PAS tiba-tiba mempunyai cengkaman yang kukuh untuk memerintah dan membentuk kerajaan di Selangor.

Khalid (2011) dalam tulisannya Dasar Sosial Kerajaan Pimpinan Pakatan Rakyat juga memperincikan mengenai pelbagai aspek negeri berkeadilan yang dilaksanakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat Selangor. Antaranya termasuklah skim pemberian 20 meter padu air percuma, membantu golongan miskin, terpinggir, warga tua, orang kelainan upaya dan mangsa keruntuhan rumah tangga, serta mehidupkan semula nilai hidup berkeluarga. Selain itu, dasar sosial kerajaan negeri Selangor turut memberi penekanan kepada usaha pembangunan potensi anak muda, mendokong nilai keadilan, hormat-menghormati dan

toleransi antara agama, serta mengikis amalan perkauman yang menjadi asas pentadbiran terdahulu. Kuek (2012) dalam kajian pilihan raya kecil Parlimen Hulu Selangor, Selangor 2010 mendapati kemenangan BN dalam pilihan raya kecil tersebut dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan yang diamalkan oleh BN melalui penganugerahan projek-projek oleh Kerajaan Persekutuan serta mendapat sokongan yang baik daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan FELDA di Hulu Bernam dan Batang Kali.

Keith (2012) dalam bukunya *The Future of Pakatan Rakyat: Lessons from Selangor* pula menilai perkembangan dan cabaran yang dihadapi oleh pakatan politik pembangkang di negeri Selangor. Pada peringkat awal penulisannya, beliau melihat kemenangan besar pembangkang dalam PRU ke-12 adalah disebabkan oleh transformasi politik yang berlaku dalam ketiga-tiga komponen parti tersebut sebelum mereka membentuk pakatan politik lagi. Tricia (2012) dalam bukunya *States of Reform: Governing Selangor and Penang* menganalisis secara kritikal pelbagai polisi dan program pembangunan yang berjaya dilaksanakan di dua buah negeri pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat iaitu Selangor dan Pulau Pinang. Hasil kajian beliau menemui tiga kemajuan penting yang telah dilaksanakan oleh pakatan tersebut di Selangor, iaitu meliputi aspek pembangunan demokrasi, perkhidmatan awam dan pengurusan ekonomi. Pembangunan demokrasi dapat dilihat menerusi tindakan DUN untuk mewujudkan kebebasan maklumat 2010. Selain itu, terdapat juga usaha untuk menghidupkan kembali pilihan raya Majlis Perbandaran Negeri, mengadakan pilihan raya ketua kampung di tiga buah kampung baru Cina dan pemilihan ahli jawatankuasa masjid secara demokrasi. Penubuhan Selangor Select Committee on Competency, Accountability and Transparency (SELCAT) juga membuktikan usaha keras Kerajaan Negeri dalam memastikan elemen semak dan imbang sebagai salah satu prinsip penting demokrasi.

Junaidi et al. (2012a; 2012b) dalam kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya di DUN Kajang, Selangor mendapati persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 menyebabkan berlakunya perubahan bilangan pemilih secara keseluruhan, perubahan bilangan pemilih mengikut kaum, perubahan kedudukan dan pertambahan serta pengurangan daerah mengundi, pertambahan kerusi DUN/konstituensi, perubahan kedudukan DUN dalam kawasan Parlimen dan memberi kesan terhadap keputusan pilihan raya. Persempadanan semula menyebabkan DUN Kajang dibahagikan kepada 2 kawasan iaitu DUN Kajang dan DUN Bangi dan digunapakai dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008. Persempadanan semula tersebut juga memberi kesan kepada keputusan pilihan raya umum 2004 di kawasan kajian dengan memberi kelebihan kepada parti peneraju Kerajaan Negeri dan Persekutuan iaitu Barisan Nasional (BN) namun ia berubah pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di mana masing-masing parti PKR dan PAR menang di DUN Kajang dan DUN Bangi.

Mohammad Redzuan dan Amer Saifude (2013) dalam kajian politik dan pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor selepas 2008 mendapati pentadbiran dan pengurusan Kerajaan PR Selangor pada masa kini amat berbeza dengan kerajaan BN yang memerintah sebelum ini. Ketelusan, efisien dan integriti kerajaan PR Selangor telah membawa negeri ke tahap yang lebih baik. Umpamanya dalam pengurusan kewangan, Laporan Ketua Audit Negara mencadangkan kerajaan Selangor meneruskan perbelanjaan berhemat dan berusaha mengutip baki pinjaman tunggakan bayaran pinjaman yang boleh dituntut.

Araf (2014) dalam artikel beliau yang dimuatkan dalam majalah Dewan Masyarakat keluaran November mengenai perantikan Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor yang baru menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyatakan rakyat Selangor sedang memerhatikan tindakan dan polisi beliau terhadap pentadbiran negeri Selangor. Antara cabaran untuk beliau atasi dengan baik, berhemah dan bijaksana ialah

Belanjawan Negeri Selangor 2015, bayangan Anwar Ibrahim dalam pentadbiran negeri Selangor, pengurusan pengaliran rizab kewangan negeri yang berjumlah kira-kira RM 3 bilion, perbelanjaan pembangunan yang berhemah, isu perjanjian penstrukturan semula air dengan Kerajaan Persekutuan, cabaran membentuk keharmonian dalam kalangan pemimpin dan ahli PKR, PAS dan DAP serta impak pengurangan jumlah EXCO PAS dalam pentadbiran beliau.

Muhammad Shamshinor et al. (2014) telah menjalankan kajian program kerajaan dan pola pengundian PRU-13 di Selangor. Lima program telah diutarakan dalam mengenal pasti persepsi pengundi Selangor terhadap pelaksanaan program anjuran Kerajaan Persekutuan iaitu Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dan BR1M 2.0, Bantuan RM 100 untuk pelajar sekolah, Bucer Buku RM 250 untuk penuntut IPT, rebat RM 200 telefon pintar kepada belia dibawah umur 30 tahun, dan Skim Perumahan 1Malaysia (PR1MA). Kajian mendapati sebilangan besar responden menyokong program yang dilaksanakan oleh kerajaan Selangor. Pelaksanaan pelbagai program untuk rakyat bagi membuktikan kemampuan dan kelebihan parti masing-masing dalam kerangka federalisme adalah signifikan dalam mempengaruhi pola pengundian.

Kajian “Pola politik kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13” yang mengkaji negeri Selangor oleh Junaidi et al. (2015) bertujuan untuk menganalisis pola kaum dalam PRU-13 di negeri Selangor. Terdapat dua faktor yang membentuk pola pengundian di Selangor dalam PRU-13, iaitu politik kaum dan politik bandar. Analisis terhadap keputusan PRU-13 menunjukkan bahawa majoriti pengundi Cina di negeri Selangor menyokong Pakatan Rakyat dengan slogan ‘Ubah’. Hal ini adalah kerana masyarakat Cina berasa berpuas hati dan tidak memerlukan bantuan kerana kemudahan dan infrastruktur yang lengkap telah disediakan di bandar. Fenomena ini telah menunjukkan keadaan politik bandar berkait rapat dengan struktur dan sosioekonomi masyarakat.

Kajian kritis terhadap pola pengundian dan tingkah laku etnik Melayu pada PRU-13 telah dikaji oleh Junaidi et al. (2015a). Kajian tersebut menganalisis kepelbagaian pola pengundian etnik Melayu termasuk di Selangor yang mempengaruhi sokongan pengundi etnik Melayu kepada parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum 2013 berdasarkan faktor geografi dan sosiologi. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa dua perkara utama dapat dikenalpasti iaitu yang pertama adalah pola pengundian etnik Melayu dapat dikaitkan dengan tiga pendekatan yang digunakan dalam mengkaji tingkah laku mengundi iaitu pendekatan sosiologikal, pendekatan identifikasi parti dan pendekatan pilihan rasional.

Junaidi et al. (2015b) dalam kajian kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: Kajian kes Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, Selangor mendapati bahawa bantuan seperti BR1M oleh kerajaan serba sedikit dapat mengurangkan kos sara hidup walaupun tidak banyak namun ianya sangat membantu terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Bagi yang tidak bersetuju dengan bantuan ini adalah dengan alasan bahawa mereka bukanlah golongan yang layak untuk memperoleh bantuan ini dan menganggap bantuan ini adalah satu pembaziran wang kerajaan dan hanyalah satu dasar kerajaan yang ingin mengumpan rakyat semasa PRU yang lepas bukan atas dasar prihatin dan ikhlas membantu rakyat. Kajian ini juga berpendapat, dasar atau polisi yang mengutamakan rakyat perlu menjadi prioriti kepada kerajaan tidak kira parti mana yang memerintah sesebuah negara ataupun negeri.

Junaidi et al. (2015c) dalam kajian pola politik kaum dalam pilihan raya umum (PRU) ke-13: Kajian kes Negeri Selangor mendapati bahawa pola pengundian di Selangor dapat dikaitkan dengan politik kaum dan juga politik bandar. Di Selangor, PR menguasai kawasan bandar dan pinggir bandar manakala BN masih dominan di luar bandar, terutama di kawasan

pedalaman/luar bandar dan FELDA. Antara faktor yang dilihat menyukarkan PR untuk menembusi kawasan luar bandar adalah halangan maklumat untuk sampai kepada pengundi, khususnya di kawasan yang tiada kemudahan internet. Dalam konteks Selangor, majoriti penghuni bandar adalah etnik Cina. Sikap dan tindakan kaum Cina yang mendominasi pengundi bandar dengan tidak menyokong kerajaan dianggap sebagai fenomena 'politik bandar'.

Junaidi (2016) dalam kajian pola pengundian PRU 2013 Malaysia menjelaskan bahawa Pilihan Raya Umum ke-13 (2013) merupakan pilihan raya yang paling sengit dalam sejarah pilihan raya di Malaysia sehingga disifatkan oleh sarjana politik sebagai *the mother of election* atau 'ibu segala pilihan raya' di Malaysia termasuk di Selangor. Hal ini kerana buat pertama kalinya dalam sejarah pihak pembangkang mempunyai peluang yang hampir seimbang dalam memenangi pilihan raya tersebut. Keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional apabila hanya memenangi 133 kerusi (60 peratus) berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008. Ini sekaligus bermaksud Barisan Nasional gagal mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008.

Muhammad Hazim et al. (2016) dalam kajian mengenai reaksi rakyat Selangor mengenai senario semasa politik pasca PRU 2013 menuju PRU-14 akan datang di kawasan DUN Teratai, Parlimen Pandan, Selangor mendapati bahawa isu ekonomi merupakan isu terpenting yang perlu ditangani oleh Kerajaan. Bagi isu domestik, isu gangguan bekalan air boleh menjejaskan sokongan rakyat kepada Kerajaan Selangor. Sebaliknya responden bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan Pusat yang mementingkan kebajikan rakyat seperti pemberian BR1M, rumah mampu milik, bantuan kepada pelajar sekolah dan universiti. Oleh itu, pengundi di Selangor mementingkan kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat di samping inginkan kerajaan yang telus, adil dan berintegriti.

Junaidi (2017a) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) di kawasan Parlimen Sungai Besar, Selangor mendapati bahawa BN terus mengekalkan 'status quo' dalam PRK di kawasan tersebut kerana faktor identifikasi parti dan mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi. Pertandingan tiga penjuru yang mengakibatkan perpecahan parti-parti pembangkang antara PH dengan PAS turut memberi kelebihan kepada BN untuk terus kekal dengan pertambahan majoriti yang lebih tinggi. Namun begitu jika dilihat kepada keputusan PRK mengikut kawasan daerah mengundi majoriti etnik tertentu serta lokasi geografi (bandar-luar bandar) jelas menunjukkan pola pengundian yang berlaku adalah mirip keputusan PRU 2013 sebelumnya. Faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing turut mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian. Justeru, semua parti politik perlu mengambil iktibar terhadap keputusan dan pola pengundian sedemikian untuk merangka strategi politik yang mantap bagi memenangi hati pengundi menuju PRU-14 akan datang.

Junaidi (2017b) dalam kajian trend keputusan PRU 2013 mendapati bahawa keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional apabila hanya memenangi 133 kerusi (60 peratus) berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008. Ini sekaligus bermaksud Barisan Nasional gagal mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008. Namun yang menariknya undi popular berpihak kepada Pakatan Rakyat apabila memperolehi 51 peratus berbanding Barisan Nasional hanya memperolehi 47 peratus. Keputusan sedemikian menunjukkan sistem demokrasi masih dipraktikkan di negara ini. Justeru, BN selaku

pemerintah pusat perlu melakukan sesuatu, mungkin mereformasikan strategi politik dan pemimpin mereka ke arah menawan semula hati pengundi yang tidak menyokong mereka agar mendapat mandat yang lebih kukuh iaitu majoriti 2/3 kerusi Parlimen seterusnya menawan semula 'negeri-negeri kaya' iaitu Selangor dan Pulau Pinang pada PRU akan datang. Bagi parti-parti pembangkang pula, ruang demokrasi yang ada perlu dimanfaatkan sebaiknya di samping dapat memainkan peranan 'sekat dan imbang' untuk manfaat rakyat di negara ini.


METOD DAN KAWASAN KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah metodologi kuantitatif (soal selidik) dan kajian kepustakaan. Melalui kaedah soal selidik, satu set soalan lengkap dan diedarkan kepada responden iaitu mereka yang layak untuk mengundi yang berumur 21 tahun dan keatas berdasarkan persampelan rawak mudah. Dengan itu, mereka dikehendaki menjawab kesemua soalan sepertimana yang dikehendaki oleh borang soal selidik tersebut. Bagi responden yang buta huruf, pengkaji akan membacakan soalan tersebut kepada mereka dan mereka dikehendaki untuk memberi mana-mana jawapan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut.

Dalam kajian soal selidik di lapangan, jumlah responden yang diambil adalah seramai 100 orang Melayu. Responden Melayu dipilih kerana untuk melihat pandangan mereka terhadap dasar kerajaan sama ada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan iaitu keberkesanan dasar kerajaan tersebut terhadap kepentingan bangsa Melayu. Antara perkara yang disoal ialah latar belakang responden dan persepsi terhadap dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor. Bagi mendapatkan maklumat melalui sumber sekunder, pengkaji melakukan kaedah kajian kepustakaan. Kajian ini telah dilakukan di Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM dan Pusat Sumber di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PPSPP) FSSK UKM bagi mendapatkan maklumat mengenai politik di negeri Selangor khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (N24) Semenyih. Kajian kepustakaan dilakukan bagi meninjau semula penulisan yang berbentuk buku-buku, jurnal dan juga majalah akademik yang mempunyai maklumat mengenai bidang kajian.

Kawasan DUN Semenyih dipilih sebagai lokasi kajian kerana kawasan ini mempunyai pengundi Melayu di kawasan bandar dan luar bandar yang seimbang serta mempunyai latar belakang sosioekonomi yang sekata iaitu terdiri daripada golongan bawahan, sederhana dan golongan profesional. Sehingga tahun 2017, persempadanan bagi bahagian pilihan raya negeri di Semenyih mengekalkan kod kawasan N24 Semenyih tetapi mempunyai pertambahan Daerah Mengundi iaitu 25 kawasan. Antara Daerah Mengundi dan bilangan pemilih di N24 Semenyih ialah Sungai Jeluk seramai 1,422 orang, Semenyih Barat seramai 3,252 orang, Hulu Semenyih seramai 2,046 orang, Tarun seramai 765 orang, Kampung Tanjong seramai 2,736 orang, Kampung Baharu Semenyih seramai 3,101 orang, Pekan Semenyih seramai 2,393 orang, Semenyih Selatan seramai 2,147 orang, Kampung Rinching seramai 671 orang, Bandar Rinching Seksyen 1-4 seramai 2,527 orang, Sesapan Kelubi seramai 577 orang, Sesapan Batu seramai 917 orang, Sungai Jai seramai 665 orang, Beranang seramai 860 orang, Kuala Pajam seramai 912 orang, Sungai Kembung seramai 1,489 orang, Taman Asa Jaya seramai 1,527 orang, Bandar Teknologi Kajang seramai 2,544 orang, Sesapan Batu Rembau seramai 637 orang, Kampung Batu 26 Beranang seramai 787 orang, Kajang Perdana seramai 2,889 orang, Penjara Kajang seramai 865 orang, Semenyih Indah seramai 1,896 orang, Bandar Rinching Seksyen 5-6 seramai 2,021 orang dan Bandar Tasik Kesuma seramai 2,824 orang (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, 2016) (Rajah 1).

Jumlah keseluruhan pemilih dari semua kawasan Daerah Mengundi di N24 Semenyih ialah 42,470 orang pada tahun 2016.



RAJAH 1. Peta lokasi DUN Semenyih dalam Parlimen Hulu Langat mengikut Daerah Mengundi (Sumber: Diubahsuai daripada Suruhanjaya Pilihan Raya/SPR 2017)

PERSEPSI TERHADAP DASAR KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dasar Kerajaan Persekutuan

Dasar-dasar kerajaan bagi sesebuah negara dibentuk sebagai suatu kenyataan mengenai hasrat bagi mencapai sesuatu maksud atau kehendak. Dasar kerajaan merupakan satu pengisytiharan

hasrat dan ideologi kerajaan yang dibuat dari semasa ke semasa untuk menyelesaikan masalah, mendapatkan sesuatu hasil dan mencapai objektif negara. Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, kerajaan telah menitikberatkan usaha untuk melaksanakan pembangunan dengan lebih sistematik bagi memperbaiki taraf hidup semua kaum. Dasar-dasar kerajaan digubal dan dilaksanakan selaras dengan nilai-nilai sosioekonomi dan politik negara pada satu-satu masa. Sifatnya yang dinamik menyebabkan dasar-dasar kerajaan sentiasa berubah-ubah mengikut nilai-nilai masyarakat dan pucuk pimpinan dari semasa ke semasa. Kerajaan Persekutuan yang dikuasai Barisan Nasional (BN) sebagai parti pemerintah telah memperkenalkan pelbagai dasar untuk menjamin kesejahteraan rakyat pada semua peringkat taraf sosioekonomi.

Jadual 1 menunjukkan pendapat umum responden mengenai dasar-dasar Kerajaan Persekutuan. BR1M merupakan salah satu bantuan yang telah dijanjikan oleh Perdana Menteri iaitu Dato' Sri Najib Razak dalam bajet 2012 melalui bantuan khas sebanyak RM500 ringgit dan diagihkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jumlah BR1M yang diedarkan kepada rakyat dinaikkan dari semasa ke semasa. Dapatan kajian mendapati bahawa 56.1 peratus responden 'setuju' dengan pernyataan "BR1M dan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan". Hal ini demikian, responden-responden yang disoal selidik berpendapat bahawa dasar bantuan BR1M oleh kerajaan dapat membantu menyelesaikan masalah kewangan rakyat dalam masa terdekat.

JADUAL 1. Pendapat Umum Mengenai Dasar-dasar Kerajaan Persekutuan

Bil.	Dasar Kerajaan Persekutuan	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)
1.	"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong dan dihayati oleh rakyat/pengundi.	45.8	35.5	18.7
2.	BR1M dan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) berjaya membantu meringankan beban kos hidup golongan berpendapatan rendah dan pertengahan.	56.1	23.4	20.6
3.	Langkah Kerajaan Persekutuan memperbanyakkan pembinaan rumah mampu milik seperti PPR, PR1MA, Rumah Mesra Rakyat 1 Malaysia (RMR1M) dan Skim Rumah Pertamaku (SRP) merupakan program yang bermanfaat dan dapat membantu rakyat memiliki rumah sendiri.	54.2	24.3	21.5
4.	Kerajaan Pusat prihatin terhadap kebajikan pelajar sekolah, kolej dan universiti (yuran sekolah percuma, wang RM100 dan baucer buku).	45.8	29.9	24.3
5.	Hubungan antara kaum dan agama semakin baik dengan pelaksanaan gagasan 1Malaysia.	45.8	25.2	29.0
6.	Kerajaan Pusat berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam.	44.9	32.7	22.4
7.	Polisi/pembaharuan yang dilakukan oleh kepimpinan Perdana Menteri dalam menerajui pembangunan negara terus mendapat sokongan rakyat.	57.9	15.0	27.1

8.	Cukai Barangan dan Perkhidmatan/GST adalah penting untuk menjana pembangunan negara.	23.4	61.7	15.0
9.	Penguatkuasaan pengesanan kesalahan lalu lintas secara kamera automatik iaitu Automated Enforcement System (AES) dapat mengurangkan kemalangan jalan raya.	43.9	43.0	13.1
10.	Kenaikan harga minyak merupakan satu proses pengukuhan ekonomi bagi jangka pendek dan sederhana untuk kesejahteraan rakyat.	9.3	76.6	14.0
11.	Ekonomi negara masih berada pada tahap baik/kukuh.	8.4	72.0	19.6
12.	Usaha Kerajaan Pusat untuk menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan adalah memadai.	6.5	80.4	13.1
13.	Kenaikan harga tambang pengangkutan awam perlu ditangguhkan untuk kepentingan rakyat.	67.3	20.6	12.1
14.	Pembanteras kongsi gelap melalui Ops Cantas adalah perlu untuk kesejahteraan masyarakat.	44.9	14.0	41.1
15.	Isu kehilangan pesawat MAS MH370 ditangani Kerajaan Pusat dengan baik.	20.6	62.6	16.8
16.	Kepemimpinan PM lebih mengutamakan rakyat.	74.8	8.4	16.8
17.	Penubuhan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) bagi merangka satu pelan pembiayaan politik berintegriti yang komprehensif dan inklusif akan meningkatkan keyakinan semua pihak kepada Kerajaan Pusat.	17.8	24.3	57.9
18.	Masa bekerja atau perkhidmatan oleh pemimpin kepada rakyat mestilah tidak terhad pada waktu pejabat sahaja.	63.6	24.3	12.1
19.	Kerajaan Persekutuan telah berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kebajikan dan kebaikan rakyat.	39.3	32.7	28.0
20.	Belanjawan 2017 bermanfaat untuk rakyat jelata.	38.3	35.5	26.2
21.	Transformasi Nasional 2050 (TN50) adalah idea Perdana Menteri yang realistik dan bermanfaat untuk rakyat.	38.3	36.4	25.2

Umumnya, Cukai Barangan dan Perkhidmatan/GST merupakan satu daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambah baik sistem kewangan negara serta mencari sumber pendapatan yang baru dengan meningkatkan kecekapan pungutan cukai. Bagi pernyataan “Cukai Barangan dan Perkhidmatan/GST adalah penting untuk menjana pembangunan negara”, 23.4 peratus responden ‘bersetuju’, 61.7 peratus ‘tidak bersetuju’ dan 15.0 peratus ‘tidak pasti’ dengan pernyataan tersebut. Peratusan responden yang ‘tidak bersetuju’ mengenai kepentingan GST adalah sangat tinggi kerana mereka merasakan dasar tersebut telah merugikan dan membebankan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka berpendapat bahawa GST telah menyebabkan

segala harga barangan dan perkhidmatan naik secara mendadak dari semasa ke semasa terutama barang keperluan harian yang membawa kepada peningkatan kos sara hidup seharian dan perbelanjaan isi rumah. Dari aspek pembangunan negara, mereka tidak yakin dengan pelaksanaan GST dapat membangunkan rakyat sekiranya rakyat sendiri tidak dapat dibangunkan dengan keadaan ekonomi yang sedia ada. Sebaliknya, responden yang 'bersetuju' dengan pernyataan tersebut adalah kerana GST akan membantu meningkatkan ekonomi negara di samping mengenalpasti jualan barangan yang songsang seperti tipu, rasuah dan seludup.

Seterusnya, bagi pernyataan "Kenaikan harga minyak merupakan satu proses pengukuhan ekonomi bagi jangka pendek dan sederhana untuk kesejahteraan rakyat", hanya 9.3 peratus responden 'bersetuju', 76.6 peratus 'tidak bersetuju' dan selebihnya iaitu 14.0 peratus responden 'tidak pasti' dengan pernyataan tersebut. Responden yang 'bersetuju' dengan kenyataan ini memberi alasan bahawa kenaikan harga minyak ini tidak terlalu tinggi jika dibandingkan dengan zaman pemerintah Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang pernah naik sehingga mencecah RM0.90. Kenaikan harga minyak telah mengejutkan banyak pihak terutamanya golongan rakyat berpendapatan rendah kerana akan memberi kesan kepada mereka secara tidak langsung. Majoriti responden 'tidak bersetuju' dengan alasan kenaikan harga bahan bakar adalah tidak munasabah dan menjadi persoalan kepada mereka tentang mengapa rakyat yang harus memikul beban kenaikan harga petrol dan diesel sedangkan tidak wujud faktor-faktor yang menjurus kepada sebarang kenaikan. Tambahan pula, kenaikan harga minyak secara tidak langsung telah menaikkan juga harga barangan-barangan keperluan asas dalam pasaran walaupun kerajaan menyatakan barang keperluan asas tidak akan naik harga. Demikian itu, kenaikan harga minyak yang dilakukan oleh kerajaan sepatutnya perlu mengambil kira keadaan taraf hidup dan sosioekonomi rakyat.

Dasar Kerajaan berkenaan penangguhan kenaikan harga tambang pengangkutan didapati dipersetujui ramai oleh responden di kawasan kajian. 67.3 peratus responden 'bersetuju' dengan pelaksanaan penangguhan kenaikan harga tambang pengangkutan, 20.6 peratus 'tidak setuju' dan 12.1 peratus 'bersetuju'. Dalam kesemua yang dilaksanakan oleh kerajaan, dasar ini yang paling diterima baik oleh majoriti responden. Responden yang bersetuju dengan kenyataan ini memberi alasan bahawa berikutan harga barangan dan harga minyak yang meningkat, penangguhan kenaikan harga tambang pengangkutan merupakan sesuatu yang wajar dibuat oleh kerajaan. Penyelarasan kadar tambang tersebut telah mengambil kira keperluan pihak pengusaha yang terbeban dengan kenaikan harga barangan dan kepentingan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan tersebut.

Pada 8 Mac 2014, Boeing 777-200ER Penerbangan Malaysia yang mengendalikan penerbangan ini hilang dan usaha pencarian dan penyelamatan telah dijalankan oleh sebelas buah negara. Pendapat umum responden bagi pernyataan "Isu kehilangan pesawat MH370 ditangani Kerajaan Pusat dengan baik" pula didapati 20.6 peratus responden 'bersetuju' dengan kenyataan tersebut, 62.6 peratus 'tidak bersetuju' dan 16.8 peratus 'tidak pasti'. Kehilangan pesawat MH370 telah mengejutkan semua pihak dalam negara mahupun antarabangsa kerana ia melibatkan beberapa buah negara dengan rakyat mereka ada bersama dalam penerbangan itu. Namun, majoriti responden 'tidak bersetuju' dengan usaha Kerajaan Pusat menangani dengan baik isu MH370 tersebut dengan alasan usaha pencarian dan penyelamat oleh kerajaan adalah tidak bersungguh-sungguh dan sehingga kini misteri kehilangan pesawat MH370 masih belum terungkai. Mereka tidak berpuashati dengan cara pihak berkuasa Malaysia menangani tragedi ini dan berpandangan bahawa Kerajaan Malaysia dalam pimpinan Barisan Nasional tidak peka dengan kehilangan pesawat tersebut ketika pesawat hilang dari radar dan dianggap lambat bertindak untuk mengesan pesawat MH370. Pada saat genting berita kehilangan pesawat tersebut, Kerajaan Pusat banyak berdolak-dalih

dalam sidang media dan menimbulkan ketidakpuasan hati kepada ramai pihak dan pada masa yang sama menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat sama sekali tidak menangani isu ini dengan baik.

Seterusnya, pernyataan “Transformasi Nasional 2050 (TN50) adalah idea Perdana Menteri yang realistik dan bermanfaat untuk rakyat telah ‘dipersetujui’ oleh 38.3 peratus responden di kawasan kajian, 36.4 peratus ‘tidak bersetuju’ dan 25.2 peratus ‘tidak pasti’. TN50 merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020 dan menjadi tanggungjawab kerajaan untuk meneruskan rencana memajukan negara untuk 30 tahun akan datang. Majoriti responden di kawasan kajian ‘bersetuju’ dengan kenyataan tersebut kerana TN50 dilihat meyakinkan dan merupakan dasar futuristik bagi memeta hala tuju negara untuk tempoh 30 tahun selepas 2020 dengan mendengar suara rakyat. Responden ‘berpuas hati’ dengan penerajuan Perdana Menteri dalam program pembangunan yang terus berjalan. Rakyat boleh mengemukakan pelbagai idea, pandangan dan maklum balas melalui pelbagai cara mengenai TN50 dan kerajaan akan mengambil inisiatif untuk mempertimbangkan idea rakyat dan merealisasikan matlamat TN50. Namun begitu, tidak semua responden bersetuju dengan dasar TN50 demikian kurangnya kepercayaan dan keyakinan dengan usaha dan potensi yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Bagi responden yang ‘tidak pasti’ dengan pernyataan ini pula adalah kerana kurangnya pengetahuan mengenai matlamat dasar TN50 dan kepentingannya kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Isu-isu dan Dasar Kerajaan Selangor

Isu adalah satu persoalan mengenai perkara pokok. Dari aspek pengurusan projek atau politik, satu isu merupakan satu hasil daripada sesuatu peristiwa yang telah wujud dan mempunyai satu impak positif atau negatif kepada projek berkenaan dengan projek dan seharusnya dianalisis dengan baik (Muhammad Hazim et al., 2016). Isu-isu politik dan Dasar Kerajaan Selangor merupakan perkara yang boleh mempengaruhi persepsi politik dan partisipasi politik pengundi.

JADUAL 2. Pendapat Umum Mengenai Isu-Isu dan Dasar Kerajaan Selangor

Bil.	Isu-isu dan Dasar Kerajaan Selangor	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)
1.	Slogan “Pembangunan Berkualiti, Rakyat Dipedulikan” yang diilhamkan Menteri Besar Selangor telah dan sedang dipraktikkan di negeri ini.	37.4	28.0	34.6
2.	Slogan “Inisiatif Peduli Rakyat/IPR” adalah realistik dan dapat ditunaikan oleh Kerajaan Selangor.	27.1	38.3	34.6
3.	Kerajaan Selangor bersikap adil dan telus terhadap semua pihak tanpa mengira bangsa dan agama.	18.7	20.6	60.7
4.	Pembangunan di Negeri Selangor adalah memuaskan.	27.1	46.7	26.2
5.	Pemberian air percuma bagi 20 meter padu (m3) pertama oleh Kerajaan Selangor merupakan dasar yang baik dan perlu disokong semua pihak.	69.2	15.9	15.0
6.	Perkhidmatan kakitangan Kerajaan Selangor adalah cekap dan telus.	19.6	23.4	57.0
7.	Isu gangguan bekalan air boleh menjejaskan sokongan pengundi kepada Kerajaan Selangor.	60.7	17.8	21.5
8.	Isu kutipan sampah diselesaikan dengan baik oleh PBT di Selangor.	25.2	55.1	19.6

9.	Kerajaan Selangor memberikan kerjasama yang baik terhadap Kerajaan Pusat dari segi projek pembangunan dan senarai bersama.	20.6	23.4	56.1
10.	Kerajaan Selangor telah berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kebajikan rakyat di negeri ini.	53.3	18.7	28.0

Jadual 2 menunjukkan pendapat umum responden mengenai isu-isu dan Dasar Kerajaan Selangor. Dapatan kajian menunjukkan 60.7 peratus responden 'bersetuju' dengan pernyataan "Isu gangguan bekalan air boleh menjejaskan sokongan pengundi kepada Kerajaan Selangor". Hal ini menunjukkan bahawa rata-rata responden mengambil kira isu gangguan air sebagai perkara yang boleh mempengaruhi persepsi dan partisipasi politik mereka. Menurut Salisbury (1975), tingkah laku seseorang dalam bidang politik itu dapat dimotivasikan daripada apa yang menjadikan tarikan kepadanya. Dalam hal ini, isu-isu seperti gangguan air di Selangor merupakan tarikan bagi seseorang individu yang boleh mempengaruhi persepsi individu terhadap parti pemimpin.

Seterusnya, isu kutipan sampah juga merupakan antara isu yang paling banyak mendapat aduan daripada penduduk di Selangor. Berdasarkan dapatan kajian, 55.1 peratus responden 'tidak bersetuju' dengan pernyataan "Isu kutipan sampah diselesaikan dengan baik oleh PBT di Selangor". Ini menunjukkan, isu kutipan sampah yang dikatakan telah selesai, hakikatnya masih mengundang ketidakpuasan hati responden kerana mereka masih berasa isu kutipan sampah tidak diselesaikan dengan baik oleh pihak PBT. Namun begitu, 25.2 peratus daripada responden 'bersetuju' dengan kenyataan tersebut. Pihak berkuasa telah berusaha untuk menyelesaikan masalah kutipan sampah di Selangor dengan baik dan telah menyiapkan lori-lori kompaktor dan peralatan yang sesuai serta menyediakan jadual kutipan sampah untuk melicinkan proses kutipan sampah.

Bagi soalan-soalan mengenai usaha dan kerjasama Kerajaan Selangor dalam menguruskan sosial, ekonomi dan politik Selangor, responden lebih bersikap 'tidak pasti' seperti bagi soalan 3, 6 dan 9 (Lihat Jadual 2). Mereka tidak ambil kisah dengan daya usaha Kerajaan Selangor dalam menyelesaikan masalah-masalah domestik sama ada dijalankan dengan baik atau tidak.

Dasar 'Inisiatif Peduli Rakyat' (IPR)

Sebelum Januari 2017, dasar 'Inisiatif Peduli Rakyat' (IPR) yang diperkenalkan Menteri Besar Selangor sekarang iaitu Dato' Seri Mohd Azmin Ali, dahulunya dikenali sebagai program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diperkenalkan oleh Menteri Besar terdahulu iaitu Tan Sri Khalid Ibrahim. Objektif utama dasar ini adalah untuk memastikan Negeri Selangor menjadi negeri idaman dengan kemajuan dikekalkan dan kebajikan rakyat diutamakan di samping kualiti hidup rakyat dipertingkatkan dan agar rakyat dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera. Dasar ini secara umumnya mengagih-agihkan hasil kekayaan negeri kepada rakyat melalui program bantuan dan sumbangan kepada rakyat Negeri Selangor.

Jadual 3 menunjukkan pendapat umum oleh responden di kawasan kajian mengenai Dasar 'Inisiatif Peduli Rakyat' yang dijalankan di Negeri Selangor. Bagi skim "Bekalan air percuma bagi 20 meter padu pertama", 29.9 peratus responden menyatakan skim tersebut 'paling bermanfaat', 55.1 peratus 'bermanfaat', 5.6 peratus 'tidak bermanfaat' dan 9.3 peratus 'tidak pasti'. Kerajaan Pakatan Rakyat menawarkan air bersih sebanyak 20 meter padu, bersamaan dengan 20,000 liter setiap bulan secara percuma untuk rakyat. Faedah ini adalah untuk semua tanpa mengira taraf ekonomi, kaum, fahaman politik, asalkan tinggal di

Selangor, berhak mendapat air percuma tersebut setiap bulan. Majoriti responden merasakan skim ini sangat bermanfaat kerana telah membantu mengurangkan beban kewangan dan kehidupan rakyat Selangor. Penduduk Selangor telah menikmati kemudahan ini dan secara tidak langsung meringankan beban mereka terutama dalam keadaan ekonomi negara yang merosot ini.

JADUAL 3. Pendapat Umum Mengenai Dasar ‘Inisiatif Peduli Rakyat’ (IPR)

Bil.	Dasar ‘Inisiatif Peduli Rakyat’ (IPR)	Paling Bermanfaat (%)	Bermanfaat (%)	Tidak Bermanfaat (%)	Tidak Pasti (%)
1.	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (m3) Pertama	29.9	55.1	5.6	9.3
2.	Skim Mesra usia Emas (SMUE)	21.5	29.0	10.3	39.3
3.	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MIMBAR)	19.6	25.2	7.5	47.7
4.	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	19.6	42.1	8.4	29.9
5.	Hadiah Anak Masuk Universiti	25.2	43.0	11.2	20.6
6.	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	25.2	15.9	14.0	44.9
7.	Pusat Tuisyen Rakyat	22.4	48.6	10.3	18.7
8.	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	23.4	48.6	8.4	19.6
9.	Insentif Perkahwinan Belia	22.4	48.6	8.4	20.6
10.	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	22.4	21.5	8.4	47.7
11.	Jom Shopping (Warga Emas + ibu tunggal)	17.8	28.0	10.3	43.9
12.	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	22.4	16.8	12.1	48.6
13.	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)	22.4	16.8	12.1	48.6
14.	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	21.5	23.4	9.3	45.8
15.	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	20.6	16.8	10.3	52.3
16.	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	21.5	16.8	8.4	53.3

Bagi program Hadiah Anak Masuk Universiti, 25.2 peratus responden menyatakan ‘paling bermanfaat’, 43.0 peratus ‘bermanfaat’, 11.2 peratus ‘tidak bermanfaat’ dan 20.6 peratus menyatakan ‘tidak pasti’. Hadiah RM1,000 diberi kepada anak Selangor dari keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah, yang melanjutkan pendidikan ke pusat pengajian tinggi awam/swasta yang diiktiraf kerajaan yang mengikuti pengajian peringkat diploma atau ijazah sarjanamuda. Bagi responden yang mempunyai pengalaman anak-anak mereka masuk ke universiti dan mendapat bantuan kewangan ini merasakan ia sangat bermanfaat bagi menampung kos perbelanjaan dan sekurang-kurangnya duit ini dapat digunakan untuk persediaan anak-anak melanjutkan pelajaran ke universiti.

Seterusnya, bagi meneruskan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES): Hasil Negeri Untuk Rakyat, mulai dari Januari 2013, disediakan program khusus untuk belia yang berkahwin. Pada permulaan insentif yang diberikan hanya RM200 sahaja kemudian dinaikkan menjadi RM500 pada 2014. Untuk program “Insentif Perkahwinan Belia”, 22.4 peratus responden menyatakan program tersebut ‘paling bermanfaat’, 48.6 peratus ‘bermanfaat’, 8.4 peratus ‘tidak bermanfaat’ dan 20.6 peratus menyatakan ‘tidak pasti’. Insentif ini diberikan kepada semua rakyat Selangor tanpa mengira agama dan bangsa dan tanpa mengira berapa pendapatan pasangan. Demikian itu, insentif ini disambut baik oleh rakyat Selangor terutamanya bagi pasangan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Justeru, insentif yang diberikan ini sedikit sebanyak telah membantu dari segi kewangan untuk pasangan mengadakan persiapan majlis perkahwinan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dasar-dasar awam oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah memberi kesan positif kehidupan rakyat terutamanya untuk Orang Melayu. Dasar kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat serta isu yang menguntungkan rakyat akan menjadi pertimbangan utama kepada pengundi untuk dijadikan indikator bagi memilih calon parti politik yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya. Dasar yang mengutamakan keperluan dan kebajikan rakyat akan terus mendapat sokongan rakyat terutamanya dasar yang dekat dihati rakyat seperti isu ekonomi, pekerjaan, sosial dan keselamatan. Walaupun rakyat atau pengundi mempunyai pandangan dan persepsi terhadap sesuatu isu namun mereka masih rasional dalam mempertimbangkan sesuatu dasar atau isu seterusnya akan mempengaruhi mereka untuk memilih pihak yang betul-betul mengutamakan kebajikan dan hak rakyat.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain. 1996. *Politik dan Dasar Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Araf Azran. 2014. Rakyat Selangor memerhatikan Azmin. Dlm. *Dewan Masyarakat*. Keluaran November. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamil Wariya. 2006. *Perjuangan Membela Melayu: UMNO Selangor 1946-2006*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn Bhd.
- Dye, T.R. 2011. *Understanding Public Policy*. Thirteenth Edition. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Fairol Halim, Mohamed Mustafa Ishak, Mohd Foad Sakdan, Mohammad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Zaheruddin Othman, Shamsul Anuar Che May@Ismail, Mohammad Fuad Othman, Yahya Adon. 2011. Kajian Transformasi Kepimpinan Masyarakat Selangor. *Conference On Elections And Democracy In Malaysia 2011*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Ibrahim Abu Shah. 2008. Agenda Melayu dalam pilihan raya umum ke-12: kajian kes di negeri Selangor. Kertas Kerja *Seminar Politik Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Junaidi Awang Besar. 2017a. Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *The 6th International Conference On Public Policy & Social Science (ICOPS 2017)*. “Excelling The Challenge Of Change”. Organized By: Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Kedah Branch and Faculty of Administrative

- Science and Policy Studies, UiTM Negeri Sembilan Branch. In TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia. 8-10 March.
- Junaidi Awang Besar. 2017b. Trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 12(2): 126-149.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2010. Persepsi terhadap kepimpinan nasional dan Kerajaan Negeri Selangor. *Seminar Bersama Antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Universitas Indonesia (UI) “SEBUMI 3” 2010. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi, Selangor*. Anjuran: Universiti Kebangsaan Malaysia – Universitas Indonesia. 12-13 Oktober.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faiz Mohd Zain. 2010. Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan dan Pola Pengundian. *Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change*. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faiz Mohd Zain. 2011. Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*. 8: 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2012a. Persempadanan semula kawasan pilihan raya 2003 dan impaknya Kepada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi, Selangor. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(2): 200-224.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2012b. Pengaruh *gerrymandering* terhadap pola pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang dan Bangi, Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 8(7): 1-12.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Mohd Faiz Mohd Zain. 2015a. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013: satu tinjauan kritis terhadap pola pengundian etnik Melayu. *Jurnal Melayu*. 14(1): 64-91.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Sity Daud. 2015b. Kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) dan persepsi pengundi terhadap dasar kerajaan: kajian kes Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 11(8): 78-89.
- Junaidi Awang Besar, Muhammad Hazim Abdul Ghani, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. 2015c. Pola politik kaum dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13: kajian kes Negeri Selangor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 11(9): 99-111.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faiz Mohd Zain & Muhammad Hazim Abdul Ghani. 2016. Trend Pengundi Etnik Melayu dalam Pilihan Raya Umum Ke-13. Dlm. Mohamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. (Pnyt.). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Refleksi Politik Perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keith, L.Y.K. 2012. *The Future of Pakatan Rakyat: Lessons From Selangor*. Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Kuala Lumpur
- Khalid Samad. 2011. Dasar sosial kerajaan pimpinan Pakatan Rakyat. Dlm. Tricia Yeoh (pnyt.). *Liku-Liku Reformasi: Pakatan Rakyat di Selangor*, hlm. 207-215. Terj. Amin Ahmad. Petaling Jaya: Strategic Information and Reseach Development Centre (SIRD).
- Kuek Ser Kuang Keng. 2012. By-election 10: P94 Hulu Selangor, Selangor. In. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edt.), *Democracy at stake?: Examining 16 by-elections in*

- Malaysia 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Mohd Faidz Mohd Zain & Junaidi Awang Besar. 2010. Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor: satu analisis terhadap politik Melayu. *Seminar Bersama Antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Universitas Indonesia (UI) “SEBUMI 3” 2010*. *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi, Selangor*. Anjuran: Universiti Kebangsaan Malaysia – Universitas Indonesia. 12-13 Oktober.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2009. Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): kajian pungutan pendapat di kalangan kakitangan awam, Negeri Selangor Darul Ehsan. *Persidangan International Conference of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember 2009.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Kamaruddin M. Said. 2009. Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): kajian pungutan pendapat di kalangan kakitangan awam Negeri Selangor, Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 5(1): 44-53.
- Muhammad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2016. Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4): 34-45.
- Muhammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali. 2013. Dewan Negeri Selangor selepas 2008. Dlm Saari Sungib. *50 Tahun Potret Demokrasi Selangor*. Shah Alam: Communication Corporation Sdn. Bhd. (CCSB).
- Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd Azri Ibrahim, Sity Daud & Farid Wajdi Mohd Nor. 2014. Program kerajaan dan pola pengundian PRU-13 di Selangor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Social and Space*. 10:99-114.
- Oxford English Dictionary*. 1971. 1st Edition. Oxford: Oxford University Press.
- Prestus, R. 1975. *Public Administration*. New York: Prentice Hall.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. 2016. Daftar Pemilih Yang Diguna Pakai Untuk Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Sebagaimana Dalam Notis Persempadanan Bertarikh 15 September 2016. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia.
- Sivamurugan Pandian. 2010. Malaysia's 12th General Election: An Analysis. *European Journal of Social Sciences*. 14(4): 508-523.
- Syed Husin Ali. 2011. Cabaran politik dan pentadbiran di Selangor. Dlm. Tricia Yeoh (pnyt.). *Liku-Liku Reformasi: Pakatan Rakyat di Selangor*, hlm. 89-101. Terj. Amin Ahmad. Petaling Jaya: Strategic Information and Reseach Development Centre (SIRD).
- Tricia Yeoh. 2012. *States of Reform: Governing Selangor and Penang*. Penang: Penang Institute.

Biodata penulis:

Junaidi Awang Besar

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Beliau merupakan lulusan Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Bidang pengkhususan beliau ialah geografi politik, geografi pilihan raya dan dasar awam.